



MANGSA banjir menunggu pengagihan bantuan anggota Misi Bantuan Mangsa Banjir NSTP- Media Prima di Kampung Bakau, Kangar, semalam.



PEMIMPIN masyarakat Siam, Boon Soom Inong (tiga dari kiri) bersama sebahagian anggota RELA membersihkan Watt Jitraram di Jitra, semalam.

Wujud pasukan sukarelawan tegar

NSTP-Media Prima mahu sedia anggota terlatih permudah misi bantuan



ALOR SETAR: The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) dan Media Prima Berhad (NSTP-Media Prima) berhasrat mewujudkan pasukan sukarelawan tegar NSTP-Media Prima yang akan diberikan tanggungjawab mengendalikan misi bantuan dan pengurusan bencana.

Pengarah Eksekutif Berita dan Operasi Editorial Media Prima, Datuk Ahmad A Talib, berkata pasukan sukarelawan tegar NSTP-Media Prima berkenaan akan diberikan latihan khusus sebagai sukarelawan secara berperingkat untuk persediaan bagi menghadapi sebarang bencana, termasuk berskala besar.

Katanya, kewujudan sukarelawan tegar itu akan memudahkan misi bantuan kemanusiaan yang dijalankan NSTP-Media Prima, terutama ketika berdepan bencana yang bukan hanya di dalam negara, bahkan di tempat lain juga.

"Kita harap Misi Bantuan Mangsa Banjir NSTP-Media Prima ini akan menjadi pencetus kepada minat di kalangan kakitangan kedua-dua syarikat untuk terbabit dalam sukarelawan," katanya pada majlis taklimat Misi Bantuan Mangsa Banjir NSTP-Media Prima, di sini, semalam.

Sukarelawan NSTP-Media Prima terbabit dibahagi dua kumpulan iaitu Kumpulan A yang akan menumpukan beberapa lokasi di sekitar Kedah, manakala Kumpulan B



SUKARELAWAN Misi Bantuan Mangsa Banjir NSTP-Media Prima mencuci Klinik Kesihatan Desa Sungai Derang, di Mukim Bukit Pinang, semalam.

pula ke Perlis.

Kumpulan A memulakan tugas pengagihan bantuan kepada 120 keluarga di dua pusat pemindahan iaitu di Kampung Bohor, Jitra dan Kampung Padang Hassan, di

sini, sebelum menjalankan pembersihan di Klinik Kesihatan Desa Sungai Derang, di Mukim Bukit Pinang.

Kumpulan B menjalankan pengagihan bantuan kepada mangsa banjir dari empat lokasi sekitar Kampung Petai, Kampung Kubang Arang, Kampung Salang dan Batu 2 Lama, sebelum ke Kampung Bakau untuk tujuan sama.

Sementara itu, lebih 700 penduduk di tiga kawasan perkampungan dilanda banjir di Kedah menerima bantuan Misi Bantuan Mangsa Banjir NSTP-Media Prima.

Misi kali ini turut mendapat kerjasama 30 ahli Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Kedah dan 30 anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

“ Kita harap Misi Bantuan Mangsa Banjir NSTP-Media Prima ini menjadi pencetus minat di kalangan kedua-dua syarikat untuk terbabit dalam sukarelawan ”

Ahmad A Talib
Pengarah Eksekutif Berita dan Operasi Editorial Media Prima



PENGERUSI FELDA, Tan Sri Mohd Yusof Noor menyampaikan cek bernilai RM50,000 untuk Tabung Bantuan Bencana Banjir Perlis kepada Menteri Besar, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu di Kangar, semalam.

BERNAMA